

Tajuk : Integriti akademik wajib dibangunkan

# Integriti akademik wajib dibangunkan

Utusan Sarawak 14/04/12 M/S: 1 & 2



**PENERANGAN ...** Dr. Ting Su Hie memberikan ceramah integriti akademik dan plagiarisme kepada para peserta yang terlibat.

GARRET DAWUM (Pelatih UKM)

KUCHING, Jumaat — Aspek integriti akademik adalah satu kewajipan

yang perlu dibangun, dijaga, dipertanggungjawabkan, ada ketelusan dan memberi impak yang tinggi dalam penyelidikan dan penerbitan.

Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak


(UNIMAS), Dr. Ting Su Hie berkata, dalam dunia penyelidikan, pengetahuan didahulukan melalui penemuan pelbagai kajian dalam bidang-bidang yang berlainan dari seluruh dunia.

“Kesalahan tata tertib saintifik dalam penyelidikan dan penerbitan akan memudaratkan perkembangan dalam sesuatu kajian. Masalah kecurangan akademik seperti ciplak, penipuan dan ketidakadilan yang membabitkan aspek integriti secara menyeluruh akan merangkumi semua pihak berkaitan, termasuk ahli akademik, pelajar, pentadbir dan pengurus universiti,” katanya.

Tambahnya, dalam kajian penyelidikan terutamanya ahli akademik, budaya integriti perlu dipastikan dan dapat dilestarikan ke arah pemantapan akademik berbudaya cemerlang.

“Kekuatan integriti akademik di kalangan pensyarah akan menjadi rujukan dan ikutan pelajar yang sekali gus membantu ke arah pembinaan integriti pelajar,” katanya.

Ting berkata amalan penyelidikan yang tidak beretika seperti plagiarisme boleh membawa kesan buruk kerana ia merupakan satu isu yang sangat serius.

 SILA LIHAT MUKA 2



Takaful  
**IKHLAS**  
Tel: 082 251300  
Laman web: [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

## WAKTU SOLAT

| ZON   | Imsak | Subuh | Syuruk | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|-------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| Limbanq, Sundar, Trusan, Lawas  |       |       |        |       |      |         |       |
| 1   | 4.50  | 5.00  | 6.16   | 12.26 | 3.35 | 6.31    | 7.41  |
| Niah, Bekenu, Miri, Sibuti, Marudi, Belaga                                      |       |       |        |       |      |         |       |
| 2   | 4.54  | 5.04  | 6.21   | 12.30 | 3.39 | 6.34    | 7.45  |
| Tatau, Kuala Tatau, Sebauh, Bintulu   |       |       |        |       |      |         |       |
| 3   | 4.59  | 5.09  | 6.26   | 12.34 | 3.44 | 6.38    | 7.48  |
| Igan, Oya, Balingian, Kapit, Mukah, Dalat, Sibu, Kanowit, Song                  |       |       |        |       |      |         |       |
| 4   | 5.02  | 5.12  | 6.27   | 12.36 | 3.48 | 6.40    | 7.50  |
| Belawai, Matu, Daro, Sarikei, Julau, Bintangor, Rajang, Tanjung Manis           |       |       |        |       |      |         |       |
| 5   | 5.04  | 5.14  | 6.30   | 12.38 | 3.51 | 6.41    | 7.51  |
| Kabong, Lingga, Sri Aman, Engkelili, Betong, Spaoh, Pusa, Saratok, Roban, Debak |       |       |        |       |      |         |       |
| 6   | 5.06  | 5.16  | 6.32   | 12.40 | 3.52 | 6.42    | 7.52  |
| Samarahan, Simunjan, Serian, Sebauh, Meludam                                    |       |       |        |       |      |         |       |
| 7   | 5.09  | 5.19  | 6.34   | 12.42 | 3.55 | 6.44    | 7.54  |
| Kuching, Lundu, Bau, Sematan  |       |       |        |       |      |         |       |
| 8   | 5.11  | 5.21  | 6.36   | 12.44 | 3.57 | 6.47    | 7.57  |

Disediakan oleh Bahagian Falak  
PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK